

TEKS UCAPAN

YANG DIPERTUA MPSP

PROGRAM MPSP CAR FREE MORNING @ SEBERANG PERAI

JALAN TODAK 2 DAN 3, SEBERANG JAYA

3 MEI 2015 (AHAD), 7:30 PAGI

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng

Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-ahli EXCO

Yang Berhormat ADUN-ADUN

Yang Berhormat Ahli Parlimen

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Tan Hung Beng

Senior General Manager Sunway

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Para Wartawan

Tuan-Tuan, Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, YB-YB, tuan-tuan dan puan-puan kerana dapat meluangkan masa dan hadir sama Program *MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai* pada pagi ini. Majlis juga ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada En Tan Hun Beng, Pengurus Besar Kanan Sunway yang telah memberi sumbangan dalam menjayakan program ini.

YAB, YB dan hadirin sekalian,

Bebas kereta bermaksud tiada penggunaan kereta di atas jalan raya namun Bebas Kereta sebegini tentulah sukar untuk dilaksanakan secara menyeluruh. Bagaimanapun harapan daripada program ini sekurang-kurangnya akan berlaku pengurangan jumlah kenderaan yang ketara pada hari *Car Free Morning*. Cara mengurangkannya boleh dengan cara berkongsi kereta atau menggunakan sepenuhnya perkhidmatan awam yang ada.

Program *MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai* ini memberi peluang kepada warga Seberang Perai untuk menyertai aktiviti riadah seperti senamrobik dan berbasikal di kawasan ini pada setiap pagi Ahad minggu pertama. Kempen ini juga dilihat sebagai satu usaha untuk mengurangkan pencemaran udara dan meningkatkan kesedaran mencintai alam sekitar dalam kalangan penduduk dan juga menggalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat. Pelbagai aktiviti lain juga terdapat di sini seperti pameran pendidikan mesra alam, gerai-gerai jualan dan permainan tradisional yang dapat disertai oleh orang ramai.

Sebagai makluman YAB, YB dan para hadirin sekalian,

Untuk menggalakkan aktiviti kecergasan, Majlis juga telah mengambil inisiatif menyediakan laluan basikal bagi mempromosikan aktiviti berbasikal untuk membantu mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan bermotor. Penyediaan laluan berbasikal ini adalah sejajar dengan FOKUS MPSP 2014, di bawah Fokus 5 iaitu Pengindahan, Kehijauan dan Kemudahan Awam, dimana Majlis perlu menyediakan laluan berbasikal di lokasi-lokasi yang sesuai di Seberang Perai.

Ianya dapat mempromosikan gaya hidup sihat di kalangan masyarakat setempat melalui inisiatif Kerajaan Negeri – *Cleaner, Greener, Safer &*

Healthier Penang. Perlaksanaan laluan ini adalah berkonsepkan “road sharing” / laluan berbasikal di atas jalan tanpa lorong berasingan dan ianya melibatkan jalan-jalan negeri yang berada di bawah seliaan / penyelenggaraan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang. Penunggang basikal hendaklah mematuhi undang-undang jalan raya serta memastikan keselamatan sentiasa dijaga sepenuh masa.

Bagi menjamin keselamatan pengguna basikal, Majlis telah menganjurkan program berbasikal “trial ride” bagi mempromosikan laluan-laluan yang dikenalpasti serta memberi kesedaran ke atas pematuhan undang-undang jalan raya dan memastikan keselamatan semasa aktiviti menunggang basikal sentiasa dijaga sepenuh masa. Di samping itu Majlis turut membuat pemasangan papan tanda laluan basikal di lokasi-lokasi yang dikenalpasti di setiap daerah; SPU 33 kilometer - 33 unit papan tanda, SPT 36 kilometer – 36 unit papan tanda dan SPS 20 kilometer – 20 unit papan tanda. Semua papan tanda telah siap dipasang pada Disember 2014.

YAB, YB dan para hadirin sekalian,

Saya mengharapkan dengan adanya program seumpama ini, orang ramai akan turut serta bagi menghidupkan Seberang Perai menjadi *liveable city*

dan masyarakat akan lebih prihatin dengan tanggungjawab mereka untuk mewariskan persekitaran yang bersih, selamat dan sihat untuk generasi akan datang.

Untuk makluman YAB, YB dan para hadirin sekalian,

Semasa berlangsungnya ICLEI World Congress 2015 di Seoul, Korea pada 8 hingga 12 April, sebanyak 36 bandar telah bersepakat untuk menyokong *ICLEI Seoul Declaration*.

- *Low Carbon City & Reducing Greenhouse Gas Emissions*
- *Resilient City*
- *Resource Efficient and productive City*
- *Eco Mobile City*
- *Smart City*
- *Biodiverse City*
- *Happy, Healthy and inclusive City*
- *Sustainable Local Economy and public procurement*
- *Sustainable City Region Cooperation*

Eco-Mobility merupakan satu medium baru ke arah bandar mampan bagi mengintegrasikan keperluan rakyat, mesra alam dan mencari jalan untuk menggunakan kenderaan awam dengan sebaiknya. Antara program-

program luar negara yang mungkin boleh dicontohi adalah seperti:

- *Eco-Mobility World Festival* selama sebulan akan diadakan di City Of Johannesburg pada Oktober 2015 (Sebulan tanpa kenderaan sendiri)
- *Eco-Mobility World Exhibition* akan diadakan di City Of Johannesburg pada Oktober 2015

Antara program yang akan diadakan semasa *festival* dan *exhibition* di atas adalah seperti:

- *Street Events & Stalls (Healthy food, public arts, outdoor gyms, fun runs, music, orchestra)*
- *Road safety campaign*
- *Cycle and public transport service providers*

Program-program ini adalah serupa dengan program yang dijalankan pada pagi ini, *MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai*.

YAB, YB dan para hadirin sekalian,

BORANG SOAL SELIDIK BAJET MPSP 2016

Dimaklumkan bahawa Majlis sekali lagi telah menyediakan borang Soal Selidik Bajet 2016 untuk mendapatkan pandangan daripada warga Seberang Perai berhubung tahap kepuasan pelanggan mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh MPSP. Hasil daripada soal selidik ini akan digunakan sebagai input kepada perancangan tahun 2016 ke atas perkhidmatan yang perlu ditambahbaik dan diberi keutamaan oleh Majlis.

Soal selidik kali ini akan diedarkan di kawasan-kawasan terpilih di seluruh Seberang Perai seperti di pasaraya-pasaraya besar, kawasan-kawasan awam serta di program-program anjuran MPSP. Warga Seberang Perai juga boleh mengambil bahagian dalam Soal Selidik Bajet 2016 secara online dengan melayari laman web MPSP iaitu www.mpsp.gov.my mulai 29 April 2015 sehingga 31 Mei 2015.

Borang soal selidik (hard copy) ini juga akan diedarkan kepada semua Ahli Majlis MPSP di kawasan masing-masing bagi membolehkan masyarakat setempat turut serta dalam Soal Selidik Bajet kali ini. Soal Selidik Bajet 2016 telah disediakan dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil supaya komuniti pelbagai bangsa boleh memahami soal selidik dan turut mengambil bahagian dalam soal selidik kali ini.

GRPB

Pada hari ini MPSP sedang melakukan survey/banci bagi Bajet MPSP 2016. Saya mohon penduduk di Seberang Perai memberi perhatian dan mengambil bahagian dalam mengisi borang banci yang diedarkan pada hari ini.

Tujuan MPSP melakukan banci adalah untuk melibatkan rakyat di Seberang Perai ini dalam proses membuat keputusan dalam perancangan projek-projek pembangunan rakyat di bawah MPSP supaya ia dapat memenuhi keperluan setiap kumpulan masyarakat wanita dan lelaki di Seberang Perai ini dengan sebaik mungkin.

Pendekatan ini diambil daripada Projek Responsif Gender dan Partisipatori iaitu satu projek Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dijalankan di bawah Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang sejak 2012 lagi.

Di bawah projek ini, rakyat Pulau Pinang dijadikan sebagai rakan-kongsi MPSP dan Kerajaan Negeri di mana ia membuka ruang untuk partisipasi rakyat untuk turut sama membuat keputusan bagi projek-projek pembangunan rakyat Pulau Pinang.

Projek ini telah dilakukan dengan jayanya di PPR Ampangan di mana satu taman rekreasi yang dilengkapi dengan tapak reflesiologi, wakaf dan *outdoor gym* telah dibina berdasarkan keperluan penduduk di PPR Ampangan yang disuarakan melalui Kumpulan Tumpu Bincang dan Undi Penduduk. Kemudian, satu Kontrak Komuniti Program Pembersihan telah dijayakan di PPR Ampangan. Kontrak pembersihan ini diuruskan oleh penduduk PPR sendiri iaitu melalui Persatuan Penduduk di tempat tersebut. Ternyata tahap kebersihan di tempat tersebut sangat memberangsangkan.

Pada tahun 2015, proses partisipasi rakyat telah dikembangkan untuk projek-projek ruang awam MPSP di mana dua (2) projek ruang awam sedang dan akan melalui proses partisipasi rakyat di Seberang Perai iaitu:

1. Projek menaiktaraf Taman Tunku, Seberang Jaya; dan
2. Pasar Tenggiri, Seberang Jaya

Di samping itu juga, satu Bajet Dialog 2016 akan dijalankan pada Jun 2015 untuk tujuan yang sama iaitu menggalakkan partisipasi rakyat untuk menyuarakan keperluan mereka agar bajet yang disediakan memenuhi kehendak projek pembangunan yang diperlukan oleh rakyat di Seberang Perai ini.

Majlis amat menghargai masa dan kerjasama semua warga Seberang Perai dalam memberi pandangan dan mengisi borang soal selidik ini.

Semua maklumbalas yang diperolehi akan dianalisa dan dimasukkan dalam persediaan Bajet MPSP 2016.

Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin menyeru para hadirin sekalian untuk merebut peluang ini untuk beriadah bersama keluarga di sini pada setiap Ahad minggu pertama setiap bulan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang akan merasmikan program ini dan En Tan Hun Beng, Pengurus Besar Kanan Sunway yang telah memberi sumbangan dalam menjayakan program ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.